



PROSPEKTUS

TADBIR URUS PENGURUSAN
ASET KERAJAAN

TADBIR URUS PENGURUSAN ASET KERAJAAN

ISI KANDUNGAN:

1.0	Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan	1
2.0	Pejabat Urusetia JPAK Dan Struktur Tadbir Urus	2
3.0	Pengurusan Audit Dalaman	6
4.0	Senarai Dokumen Dan Garis Panduan	7

1.0 JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JPAK)

1.1 Pengenalan

Memandangkan kepentingan aset Kerajaan semakin mendesak, pendekatan pengurusan aset Kerajaan yang sistematik, menyeluruh dan bersepadu perlu diwujudkan. Isu-isu yang berkait dengan tahap keberkesanan pengurusan dan penyenggaraan aset Kerajaan telah dibangkitkan oleh banyak pihak terutamanya para pengguna aset dan termasuk pimpinan Kerajaan. Buat pertama kalinya *National Asset And Facility Management* (NAFAM) yang membincangkan pengurusan aset Kerajaan di peringkat nasional telah diadakan pada 13hb dan 14 hb Ogos, 2007 di PWTC.

Pada 14hb Ogos, 2007 YAB Perdana Menteri telah mengarahkan Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara mempengerusikan satu Jawatankuasa Khas bagi memantapkan pengurusan aset Kerajaan.

Pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) dan JKR sebagai Urusetia akan memberi tumpuan kepada perkara-perkara strategik berkaitan pengurusan aset. Usaha bagi mendidik masyarakat serta memupuk budaya penyenggaraan serta kesedaran terhadap penjagaan aset kerajaan dan awam wajar diberi keutamaan.

1.2 Objektif JPAK

“Memastikan Aset Kerajaan diuruskan dengan cekap, profesional, ekonomik dan selamat digunakan”

1.3 Fungsi JPAK

Antara fungsi-fungsi JPAK terhadap Pengurusan Aset Kerajaan adalah :

1. Menentukan hala tuju dalam pelaksanaan pengurusan aset kerajaan.
2. Menggubal dasar, strategi, pelan tindakan dan garis panduan bagi melaksanakan dasar pengurusan aset kerajaan khususnya mengenai standard, keselamatan, perolehan dan pembangunan sumber manusia.
3. Menyelaraskan pelaksanaan dasar pengurusan aset kerajaan di antara agensi-agensi kerajaan peringkat persekutuan.
4. Menyediakan laporan berkala kemajuan pelaksanaan dan cadangan penambahbaikan pengurusan aset kerajaan.

1.4 Struktur Organisasi JPAK

JPAK dianggotai oleh :

Pengerusi:	Ketua Setiausaha Negara
Ahli:	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
	Ketua Setiausaha Perbendaharaan
	Ketua Audit Negara
	Ketua Pengarah Kerja Raya
	Akauntan Negara
	Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya
	Ketua Pengarah Jabatan Penilaian Harta
	Ketua Pengarah MAMPU
Setiausaha:	Ketua Cawangan Kejuruteraan Senggara, JKR Malaysia
Urusetia :	Jabatan Kerja Raya

1.5 Peranan Dan Tanggungjawab Urusetia JPAK

1. Menyelaras agenda, menyediakan minit dan semua tugas-tugas pentadbiran yang berkaitan dengan JPAK;
2. Badan tadbir urus dan penguatkuasaan kepada pelaksanaan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA); dan
3. Melaporkan hasil pemantauan pengurusan aset tak alih kepada Pejabat Pengerusi JPAK (Ketua Setiausaha Negara).

2.0 PEJABAT URUSETIA JPAK DAN STRUKTUR TADBIR URUS

2.1 Pengenalan

Kerajaan telah melancarkan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK) dan Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM) mengikut Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2009 pada Mac 2009 dan Pekeliling Am Bil 2 Tahun 2012, Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) telah dikeluarkan pada 21 Jun 2012. Ketiga-tiga dokumen ini merupakan panduan dan rujukan setiap agensi Kerajaan dalam amalan pengurusan aset yang lebih strategik dan sistematik.

Pelaksanaan DPAK, MPAM dan Tatacara Pengurusan Aset Kerajaan ini melibatkan hampir 25 kementerian yang merangkumi lebih 700 agensi. Berdasarkan Pekeliling Am Bil.1 Tahun 2009 Perkara 9.0 menetapkan bahawa Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) dipertanggungjawabkan sebagai badan tadbir urus kepada pelaksanaan DPAK dan MPAM serta perkara 10.b penguatkuasaan pelaksanaan MPAM bagi Aset Infrastruktur dan Bangunan.

Pelaksanaan Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM) juga akan dapat membantu Kerajaan dalam membangun dan mengurus sesuatu aset supaya mencapai nilai pulangan pelaburan (*Return of Investment (ROI)*) yang maksimum. Walaubagaimanapun, usaha Kerajaan memperkenalkan PAM adalah satu usaha yang besar dan memerlukan ketelitian perancangan dalam pelaksanaannya.

Peranan JKR sebagai Urusetia JPAK dan tadbir urus pelaksanaan DPAK dan MPAM adalah sangat penting dalam membantu usaha Kerajaan ke arah pelaksanaan Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM) dengan lebih cekap dan berkesan. Oleh itu peranan JKR ini perlu diperincikan secara lebih jelas dan tersusun.

Fungsi umum JKR di dalam pengurusan aset Kerajaan terbahagi kepada tiga (3) iaitu:

- i. Urusetia JPAK;
- ii. Tadbir Urus bagi DPAK dan MPAM;
- iii. Penguatkuasaan MPAM/ TPATA bagi aset infrastruktur dan bangunan.

2.2 Pejabat Urusetia JPAK

Tugas dan tanggungjawab JKR sebagai **Urusetia JPAK** antara lain adalah seperti berikut:

- 2.2.1 Mengendalikan Mesyuarat JPAK;
- 2.2.2 Menyediakan dan mengedarkan minit mesyuarat JPAK;

- 2.2.3 Mendapatkan maklumbalas tindakan dari agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan berdasarkan minit mesyuarat; dan
- 2.2.4 Menyediakan dan memantau pelaksanaan Pelan Tindakan JPAK.

2.3 Tadbir Urus DPAK

Tugas dan tanggungjawab JKR sebagai **tadbir urus** DPAK dan MPAM antara lain adalah seperti berikut:

- 2.3.1 Menyelaras dan memantau keberkesanan pelaksanaan DPAK dan MPAM di semua kementerian dan agensi di bawahnya;
- 2.3.1 Menyelaras dan memberi khidmat perundingan kepada semua kementerian dan agensi di bawahnya ke arah pelaksanaan PAM;
- 2.3.2 Menyelaras dan memantau pembangunan dan standardisasi amalan terbaik PAM;
- 2.3.3 Menyediakan maklumat analisis teknikal & kewangan berasaskan kepada Kitar Hayat Aset (*Asset Life Cycle*) bagi tujuan perancangan projek pembangunan infrastruktur;
- 2.3.4 Menyelaras dan memantau pembangunan kompetensi dan kapasiti dalam pengurusan aset setiap agensi Kerajaan dan penggiat industri yang berkaitan; dan
- 2.3.5 Menyelaras dan memantau pelaksanaan program kesedaran, peluasan dan pembudayaan dalam PAM kepada semua kementerian dan agensi Kerajaan.

2.4 Penguatkuasa MPAM

Tugas dan tanggungjawab JKR sebagai **penguatkuasa** MPAM dan TPATA antara lain adalah seperti berikut:


- 2.4.1 Menyelaras, memantau dan menguatkuasa pelaksanaan MPAM/ TPATA dan amalan terbaik PAM di semua kementerian dan agensi di bawahnya;
- 2.4.2 Menyelaras, memantau dan menguatkuasa pelaksanaan Sistem Pengurusan Aset Tak Alih (mySPATA) kepada semua kementerian dan agensi Kerajaan;
- 2.4.3 Menyelaras, memantau dan menguatkuasa pelaksanaan penilaian dan penarafan aset tak alih; dan
- 2.4.4 Menyelaras, memantau dan menguatkuasa pelaksanaan audit PAM.

2.5 Struktur Tadbir Urus Urusetia JPAK

Struktur Tadbir Urus di peringkat Urusetia JPAK terdiri daripada jawatankuasa-jawatankuasa seperti berikut:

- 2.5.1 Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Aset Kerajaan (JPPAK);
- 2.5.2 Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Aset Kerajaan (JTPAK);
- 2.5.3 Jawatankuasa Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (JDPAK);
- 2.5.4 Jawatankuasa Pengurusan mySPATA (JPmySPATA));
- 2.5.5 Jawatankuasa Pelaksanaan PATA (JPPATA);

2.6 Struktur Tadbir Urus Urusetia JPAK dan Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan adalah sebagaimana Rajah 1.0.



Rajah 1.0: Sistem Tadbir Urus Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan

3.0 PENGURUSAN AUDIT DALAMAN

3.1 Objektif

Memastikan aktiviti audit dalaman dilaksanakan dengan terancang dan berkesan serta memenuhi maklumat yang ditetapkan.

3.2 Skop Dan Aktiviti

Setiap kementerian/jabatan/agensi hendaklah melaksanakan audit dalaman sekurang-kurangnya sekali dalam setahun bagi pengurusan aset tak alih di bawah tanggungjawab dan kawalan masing-masing. Pelaksanaan audit dalaman ini adalah :-

- 3.2.1 Untuk menilai pematuhan aktiviti-aktiviti kementerian/jabatan/agensi yang dijalankan berdasarkan Dasar-Dasar dan objektif-objektif yang didokumenkan dalam DPAK, MPAM dan TPATA.
- 3.2.2 Untuk menilai bahawa aktiviti-aktiviti tersebut memenuhi keperluan prosedur-prosedur dan arahan-arahan kerja yang didokumenkan.
- 3.2.3 Untuk memastikan bahawa kementerian/jabatan/agensi kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan yang berterusan bagi sistem tersebut.

Aktiviti audit dalaman merangkumi:-


- a) Perancangan dan penyediaan program audit dalaman;
- b) Pelaksanaan audit dalaman; dan
- c) Pelaporan dan penilaian penemuan audit.

Audit dalaman meliputi keseluruhan aktiviti dalam fasa penggunaan dan fasa pelupusan.

4.0 SENARAI DOKUMEN DAN GARIS PANDUAN



Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK)



Pekeliling Am Bil 1 Tahun 2009 : Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM)



Pekeliling Am Bil 2 Tahun 2012 : Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA)



Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2012 Sistem Kod Aset Tak Alih (SKATA)




Garis Panduan Reka Bentuk Kebolehsenggaraan (DFM) Bilik Suis (JKR 21600-0015 - 12)



Garis Panduan Reka Bentuk Kebolehsenggaraan (DFM) AC (JKR 21600 – 0016 – 12)




Garis Panduan Reka Bentuk Kebolehsenggaraan (DFM) Lif (JKR 21600 – 0017 – 12)




Garis Panduan Kos Kitaran hayat (LCC) JKR 21600 – 0014 -12




Garis Panduan Pelan Strategik Pengurusan Aset (PSPA)




Piawaian JKR Bagi Jangka Hayat Aset Infrastruktur dan Aset Kejuruteraan



Garis Panduan Penerimaan Aset Bangunan



Garis Panduan Penerimaan Aset Jalan



Garis Panduan Pengumpulan Data Aset Tak Alih, PeDATA (Bangunan & Infrastruktur Khas)




Garis Panduan Pengurusan Lukisan Siap Bina JKR 21600-0021 - 12




Garis Panduan Lukisan Terukur (Pelan Susun Atur Ruang) JKR 21600 – 0013 – 12



JKR Standard Specification For Asset Coding & Tagging



Garis Panduan Penyelenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan



Condition Of Contract for Facilities Management Contract (CMC)




Buku Panduan Pelan Strategi Pengurusan Aset (Operasi)




Buku Panduan Pelan Operasi Dan Penyenggaraan Aset (POPA)



Garis Panduan Penilaian Pasca Menduduki (POE)



Garis Panduan bagi Building Condition Assessment (BCA)



Garis Panduan Pelupusan Struktur Binaan (Aset Bangunan)
JKR 21600 – 00019 - 12



Garis Panduan Pelupusan Komponen Binaan
JKR 21600 – 00018 – 12



Prosedur SPK JKR (Pengurusan Penyenggaraan)
JKR 21600 – 0014 -12



PROSPEKTUS

TADBIR URUS PENGURUSAN ASET KERAJAAN

<http://jpak.jkr.gov.my/>